

29/11/2008 (Sabtu)

Banyak jalan Persekutuan tak tepati garis panduan

SUBANG JAYA: Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) mendedahkan kebanyakan jalan Persekutuan di negara ini tidak menepati garis panduan pembinaan sekali gus menjadi antara faktor utama kematian dan kecederaan parah dalam kemalangan. Ketua Pengarah JKJR, Datuk Suret Singh, berkata antara masalah utama ialah penyalahgunaan zon kosong pada bahagian tepi jalan.

“Jalan raya yang sempurna mempunyai zon kosong selebar empat meter di bahagian kiri tepi jalan kedua-dua arah dan dilengkapi penghadang jalan. “Penghadang jalan mampu menyerap impak pelanggaran dan kawasan selebar empat meter boleh mengurangkan kadar kecederaan parah sekali gus mengelakkan kematian,” katanya pada Kempen Advokasi Keselamatan Jalan Raya di Hentian Sebelah Puchong Selatan Lebuh Raya Damansara-Puchong (LDP) di sini, semalam.

Bagaimanapun, malangnya penyediaan zon berkenaan tidak diberi perhatian dan jika ada pun kebanyakannya ditanam dengan pokok yang memburukkan lagi keadaan kemalangan. Katanya, kenderaan yang terbabas akan merempuh pokok tanpa diserap penghadang, menyebabkan kecederaan parah sehingga menyebabkan kematian. Justeru, beliau berkata, pihaknya kini bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengenal pasti dan menaik taraf jalan terbabit secara berperingkat.

Beliau berkata, pihaknya turut mengkaji struktur dan kualiti pembinaan trek perlumbaan untuk diterapkan dalam pembinaan jalan raya di negara ini. “Kita lihat kaedah digunakan di trek perlumbaan mampu menyelamatkan nyawa pelumba dan mengurangkan kecederaan dialami pelumba walau terbabit dalam kemalangan serius. Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk menerapkan unsur kesedaran mengenai keselamatan jalan raya dalam khutbah solat Jumaat.

30/11/2008 (Ahad)

LHDN perkenal e-refund 2009

Oleh Amin Ridzuan Ishak aminridzuan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Mulai tahun depan, proses membayar balik lebihan bayaran cukai akan dipermudahkan menerusi sistem e-refund bagi membolehkan bayaran itu dimasukkan terus ke akaun bank pembayar cukai. Ketika ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) hanya melaksanakan kaedah menghantar cek menggunakan pos ke alamat pembayar cukai yang menyebabkan sering wujud masalah pembayar tidak menerima cek berikutan kekeliruan alamat.

Ketua Eksekutif LHDN, Datuk Hasmah Abdullah yang mengesahkan pelaksanaan sistem terbaru berkenaan tahun depan dan menjangka ia mengurangkan masalah pembayar cukai tidak menerima bayaran balik lebihan cukai.

“Sejak beberapa tahun, kami mengesan 10 hingga 20 peratus cek pembayaran balik lebihan bayaran cukai dihantar menggunakan pos dikembalikan kerana masalah alamat pelanggan (pembayar cukai) tidak lengkap atau sudah berpindah. “Keadaan ini menyebabkan ada pihak mendakwa LHDN tidak membuat kerja yang sama sekali tidak benar kerana masalah timbul akibat ada pembayar cukai tidak mengemas kini maklumat mereka.

“Jadi, kami mengambil keputusan memperkenalkan sistem e-refund sebagai langkah bagi menyelesaikan sepenuhnya masalah pembayar cukai tidak menerima lebihan bayaran cukai mereka,” katanya ketika dihubungi Berita Minggu di sini, semalam.

Mengikut statistik pada 2007, LHDN memulangkan semula kira-kira RM3 bilion lebihan bayaran kepada 250,000 pembayar cukai selepas penelitian membabitkan 320,000 fail kes pembayar cukai menunjukkan individu terbabit membayar lebih daripada sepatutnya. Menurut piagam pelanggan berhubung tempoh masa pembayaran balik lebihan bayaran cukai, pembayar cukai menggunakan e-filling akan menerima wang berkenaan dalam tempoh 30 hari manakala 90 hari bagi pelanggan menggunakan kaedah manual.

Hasmah berkata, pelaksanaan e-refund itu juga bakal memberi kesan dari segi tempoh masa kerana penghantaran dijangka lebih cepat kerana tidak perlu melalui proses penghantaran. “Wang akan terus dimasukkan ke akaun bank sebaik saja proses penilaian selesai. Bagaimanapun, ia tetap seperti termaktub dalam piagam pelanggan kami di mana perbezaannya tiada lagi tempoh penghantaran seperti sebelum ini.

Hasmah berkata, pembayar cukai perlu mempunyai akaun perbankan internet dengan mana-mana bank yang menyertai FPX, iaitu Bank Islam Malaysia Bhd, Malayan Banking Bhd (Maybank), CIMB Bank (Akaun BCB), Hong Leong Bank Bhd dan Public Bank Bhd.

1/12/2008 (Isnin)

Utara: Kampus kedua UiTM akan dibina di Tapah

TAPAH: Kampus kedua Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Perak selepas yang pertama Seri Iskandar di Bota, akan dibina di satu kawasan antara pekan Tapah dan Tapah Road. Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ayer Kuning, Datuk Samsudin Abu Hasan, berkata upacara pecah tanah projek itu dijangka akan dilakukan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mohamed Khaled Nordin pertengahan Disember ini.

Beliau berkata, upacara pecah tanah itu sepatutnya dilangsungkan awal tahun ini namun ditunda berikutan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12, Mac lalu. "Projek ini bakal menjadi mercu tanda perkembangan bidang pendidikan yang dinanti oleh rakyat di kawasan Parlimen Tapah khasnya dan di seluruh negara amnya.

"Sebenarnya projek ini hasil perjuangan Umno Bahagian Tapah yang berusaha untuk mengangkat martabat pendidikan kawasan ini selaras dengan keperluan semasa. "Kita seharusnya bersyukur kerana projek ini akan membuka ruang ekonomi di samping matlamat memberi pendidikan secara formal kepada pelajar Bumiputera di luar bandar," katanya pada majlis berkhatan beramai-ramai di Kampung Baru, Batu 4, Tapah Road dekat sini, semalam.

Seramai 30 murid sekolah rendah menyertai program anjuran Pejabat Kemas Parlimen Tapah dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Persekutuan (JKKKP) Kampung Tersusun Batu 4.

Samsudin berkata, fasa pertama UiTM itu membabitkan kos RM50 juta siap akan menempatkan seramai 750 pelajar bagi penggal pertama pengajian. Katanya, fasa kedua dan terakhir pula menelan kos RM300 akan mendapat kerjasama swasta bagi melengkapkan segala prasarana di universiti berkenaan.

1/12/2008 (Isnin)

Sabah&Sarawak: RM2.7 bilion untuk pembangunan di luar bandar tahun depan

KUCHING: Sejumlah RM2.7 bilion diperuntukkan untuk membangunkan kemudahan kawasan luar bandar di Sarawak pada tahun depan. Kira-kira 53 peratus daripada jumlah peruntukan itu akan digunakan bagi membina jalan raya kampung dan luar bandar di negeri ini. Bakinya pula akan digunakan untuk menyediakan bekalan air, elektrik, kediaman rakyat miskin dan kemudahan sosial. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Joseph Entulu Belaun, berkata peruntukan itu sebenarnya berkurangan berbanding peruntukan tahun ini berjumlah RM2.8 bilion. Katanya, kerajaan akan terus menyediakan kemudahan asas kepada penduduk kawasan luar bandar walaupun berdepan dengan masalah ketidaktentuan ekonomi dunia.

Beliau berkata, kerajaan tidak akan membatalkan projek luar bandar namun jika keadaan memaksa, besar kemungkinan kerajaan akan melewatkannya tarikh pelaksanaan atau meletakkan projek itu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). "Pelaksanaan projek RMK-9 pula berjalan lancar kecuali bagi projek pembekalan air dan elektrik alternatif. "Namun kerajaan akan membuat beberapa pengubahsuaian bagi membolehkan projek itu dilaksanakan mengikut jadual," katanya.

Beliau berkata demikian pada media selepas merasmikan Ekspo Desaneka yang bertempat di Jalan Samariang di sini, petang kelmarin. Ekspo itu anjuran Felcra Berhad dan bertujuan mempromosikan produk desa buatan Bumiputera di negeri ini. Ekspo seumpamanya adalah langkah dan persediaan awal untuk memasarkan produk luar bandar yang diketahui sukar mendapat tempat di pasar raya. Ia juga menyediakan ruang untuk usahawan Bumiputera meningkatkan daya saing mereka serta mengkaji kelebihan serta kekurangan produk masing-masing.

2/12/2008 (Selasa)

Timur: 500 nelayan terpaksa 'berehat'

Oleh Bettty Subaryati bhkb@bharian.com.my



NELAYAN menjahit pukat di Jeti LKIM Tumpat selepas tidak dapat turun ke laut yang bergelora.

Sebahagian besar sibuk jahit pukat sebagai persediaan tangkap udang

TUMPAT: Kira-kira 500 nelayan jajahan ini terpaksa menunggu musim menangkap udang pinggir pantai yang bermula akhir bulan ini, selepas mereka tidak mampu keluar ke laut berikutan musim tengkujuh yang melanda perairan negeri ketika ini.

Kebanyakan mereka yang memiliki ramai anak itu, terpaksa berehat sambil melakukan kerja menjahit pukat sebagai persediaan awal mencari udang yang biasa dilakukan mulai pertengahan Disember hingga Februari tahun depan. Keadaan laut yang bergelora dengan angin kencang itu menyebabkan kebanyakan bot nelayan kecil kini tersadai di pangkalan sejak tiga minggu lalu.

Tinjauan Berita Harian ke Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini, mendapati nelayan di situ kini memenuhi masa lapang dengan menjahit pukat untuk digunakan bagi menangkap udang.

Nelayan, Li Ibrahim, 46, berkata beliau dan lima awak-awaknya tidak dapat turun ke laut ekoran nasihat pihak berkuasa supaya tidak menangkap ikan kerana laut bergelora dan membahayakan bagi semua bot kecil. "Saya sudah hampir sebulan tidak turun laut untuk menangkap ikan kerana amaran keadaan laut yang bergelora serta angin kencang yang mungkin membahayakan bot kecil seperti kami."

"Kini masa lapang ini saya gunakan untuk menjahit pukat dan mengeluarkan wang sebanyak RM4,000 untuk membeli tali pukat yang akan digunakan bagi menangkap udang pada pertengahan Disember ini hingga Februari tahun depan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Begitu juga dengan Rosdi Dollah, 52, yang terpaksa mengeluarkan modal bagi membeli empat bidang pukat untuk dicantum menjadi jala sepanjang 40 meter bagi kegunaan menangkap udang. "Inilah satu-satunya sumber rezeki nelayan apabila musim tengkujuh dan pendapatan harian mula terjejas sebaik ombak besar melanda perairan negeri ini sejak awal bulan lalu," katanya.

Katanya, masalah nelayan itu pernah disuarakan terhadap Persatuan Nelayan Kawasan Tumpat tetapi setiap tahun mereka terpaksa menghadapi nasib sama kerana tiada insentif lain diberikan pihak persatuan. "Kami perlu menyiapkan pukat ini dalam tempoh satu hingga dua minggu bergantung kepada peralatan sambil dibantu awak-awak yang juga tidak mempunyai sebarang pendapatan kerana saya sebagai tekong pun tidak turun ke laut," katanya.

Katanya, pendapatan menangkap udang mampu mencelah antara RM3,000 hingga RM5,000 berbanding hasil menangkap ikan kira-kira RM5,000 hingga RM7,000 selepas dibahagikan kepada lima awak-awak kapal," katanya.

Awak-awak selama 20 tahun, Yusof Loman, 35, berkata sejak sebulan lalu, dia hanya mengambil upah menjahit pukat bagi menyara isteri dan anak yang masih kecil. Katanya, sebagai awak-awak dia mampu memperoleh upah kira-kira RM350 sebulan tetapi apabila musim tengkujuh, pendapatannya terjejas dan menunggu untuk menangkap udang pula apabila tekong meminta bantuannya. Jurucakap Persatuan Nelayan Kawasan Tumpat ketika dihubungi berkata, sehingga kini seramai 500 nelayan yang kebanyakannya pemilik bot Kelas A dan B tidak mampu keluar ke laut kerana ombak besar sejak sebulan lalu. Katanya, kebanyakan mereka tidak keluar menangkap ikan kerana bimbang keselamatan diri termasuk dihempas gelombang laut yang mencapai lebih lima meter.



Li Ibrahim
Nelayan
Saya sudah hampir sebulan tidak turun laut untuk menangkap ikan kerana amaran keadaan laut yang bergelora serta angin kencang yang mungkin membahayakan bot kecil seperti kami"

Li Ibrahim
Nelayan

2/12/2008 (Selasa)

Sabah&Sarawak: Tanah NCR diiktiraf jika ada bukti

Oleh Khamisah Bohari bhnews@bharian.com.my

Kerajaan nafi akan rampas hak milik penempatan diduduki sebelum 1958

SAMARAHAN: Kerajaan negeri akan mengiktiraf kedudukan tanah hak milik adat (NCR) sekiranya ada bukti sahih menunjukkan tanah berkenaan diusahakan dan diduduki penduduk sebelum 1958.

Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber II, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, berkata dengan adanya bukti, ia akan memudahkan kerajaan mempertimbangkan urusan berkaitan tanah berkenaan. Katanya, tindakan segelintir pihak yang melemparkan dakwaan kerajaan akan merampas tanah NCR milik rakyat sesuka hati adalah tidak berasas sama sekali.

"Kerajaan tidak akan sewenang-wenangnya merampas tanah NCR sekiranya ada bukti sahih menunjukkan mereka adalah pemilik asal tanah berkenaan. "Mereka yang mengambil kesempatan memainkan isu ini cuma mahu membuat propaganda semata-mata bagi kepentingan peribadi," katanya ketika menghadiri Majlis Penyampaian Cek Pampasan dan Surat Hak Milik Tanah di Dewan Masyarakat Tebedu di sini, kelmarin.

Seramai 93 penduduk sekitar Kampung Tebedu menerima pampasan sejumlah RM872,293.98 membabitkan 24 lot tanah NCR berkeluasan 20.97 hektar yang diambil bagi pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tebedu beberapa tahun lalu. Hadir sama, Menteri Pembangunan Bandar dan Pelancongan, Datuk Micheal Manyin Jawong; Ahli Parlimen Serian, Datuk Richard Riot dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kedup, Frederick Bayoi Manggie.

Awang Tengah berkata, tanah NCR yang diambil bagi digunakan untuk pembangunan kemudahan infrastruktur, kerajaan Negeri membayar pampasan mengikut kadar semasa nilai tanah. "Proses mengambil tanah dilakukan mengikut undang-undang yang ditetapkan selain kerajaan perlu mengenal pasti apakah jenis projek yang akan dibangunkan sebelum kawasan berkenaan diambil. "Pengambilan tanah bagi aktiviti pembangunan infrastruktur bukan percuma sebaliknya penduduk dibayar pampasan yang jauh menguntungkan berbanding tanah yang tidak diusahakan tanpa kemudahan infrastruktur yang baik," katanya.

Beliau berkata, konsep baru pembangunan tanah adat sekarang ini memerlukan kerajaan memajukan sesebuah kawasan dengan menyediakan kemudahan infrastruktur seperti rangkaian jalan raya, sekolah, klinik, sistem perparitan yang lebih teratur. Katanya, tanah di sekeliling sesuatu kawasan NCR tanpa kelengkapan kemudahan infrastruktur tidak akan dapat dibangunkan selain tidak mempunyai nilai komersil.

3/12/2008 (Rabu)

Ekonomi - ECER dijangka terima pelaburan RM112 bilion

Oleh Abdul Halim Yusoff dan Shaarani Ismail bhbiz@bharian.com.my



PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersalaman dengan para tetamu sewaktu tiba untuk merasmikan Seminar Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di INTAN Kampus Wilayah Timur, di Kemaman, semalam. Turut hadir Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Sidek Hassan (kiri).

Manfaat berpanjangan dinikmati seluruh negara: PM

WILAYAH Ekonomi Pantai Timur (ECER) dijangkakan menerima pelaburan berjumlah RM112 bilion dalam tempoh 12 tahun pelaksanaannya dari tahun ini hingga 2020 dengan 47 peratus adalah daripada pelabur swasta dalam dan luar negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau yakin pelaburan sebesar itu akan memberikan manfaat berpanjangan kepada seluruh negara, khususnya kepada penduduk di wilayah berkenaan. Katanya, setakat ini beliau berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. "Dalam tempoh hanya setahun sejak dilancarkan pada Oktober 2007, banyak projek sudah dilancarkan dan mencatat kemajuan menggalakkan," katanya ketika merasmikan Kelompok Industri Plastik Kertih (KIPK) di Kerteh, semalam.

KIPK adalah taman industri pengeluaran plastik bersepadu pertama di Malaysia dan terletak di kawasan ECER, yang hingga kini sudah menarik pelaburan RM145 juta. Taman industri seluas 140 hektar itu bertujuan menggalakkan pelaburan hiliran dalam industri plastik dan yang berkaitan dengan plastik dengan memanfaatkan sinergi dengan kompleks Petrokimia Bersepadu Kertih (KIPC). Antara pelabur di KIPK kini ialah Hi-Essence Cable Sdn Bhd, pengeluar wayar dan kabel yang melabur RM85 juta, Latenfield Pipe Industries Sdn Bhd (RM40 juta) dan FMD Polypipes Industry Sdn Bhd yang akan melabur RM20 juta bagi mengeluarkan paip plastik.

Abdullah berkata, kerajaan menyediakan pakej insentif tambahan bagi menarik pelaburan swasta ke KIPC bagi membolehkannya mencapai sasaran untuk menarik pelaburan lebih RM2

bilion dan mewujudkan lebih 7,000 peluang pekerjaan. Bagi menikmati insentif itu, katanya, projek yang dicadangkan di kawasan itu perlu mendapat kelulusan Majlis Pembangunan ECER dan memulakan operasi perniagaan sebelum 31 Disember 2015. "KIPK dilihat mampu merangsang pembangunan sektor pembuatan dan industri berkaitan seperti pembungkusan, peralatan perubatan, bahan binaan, komposit dan automotif serta menggalakkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana tempatan.

"KIPK hingga kini sudah mempunyai lima pelabur yang berminat. Komitmen pelabur berkenaan sangat bermakna berikutan ketidaktentuan pasaran global sekarang," katanya.

Selain beberapa syarikat tempatan yang sudah komited membuka operasi di KIPK, Petronas juga akan mendirikan sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan teknologi yang akan memainkan peranan penting dalam meningkatkan khidmat teknikal aplikasi plastik.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan seminar 'Merealisasikan ECER-Komitmen Bersama' anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Wilayah Timur di Kemaman, Perdana Menteri meminta agensi kerajaan dan institusi kewangan jangan terlalu cerewet dan lembab memproses kelulusan projek hingga menjelaskan kelancaran pelaksanaan ECER. Katanya, semua agensi kerajaan dan swasta, terutama institusi kewangan perlu bersedia sepanjang masa untuk menyemarak dan mempercepatkan pembangunan ECER demi kepentingan rakyat.

4/12/2008 (Khamis)

Ekonomi - Pendapatan pelaburan suku ketiga KWSP merosot

Oleh Azli Ayob azliayob@bharian.com.my

KUMPULAN Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meraih pendapatan pelaburan RM2.06 bilion dalam suku ketiga tahun ini, merosot 60.4 peratus daripada RM5.19 bilion dalam suku sebelumnya kesan ketidaktentuan ekonomi global.

Ketua Eksekutif KWSP, Datuk Azlan Zainol, berkata pendapatan lebih rendah dalam tempoh Julai hingga September itu susulan penurunan pulangan pelaburan dalam saham, daripada RM2.54 bilion pada suku kedua kepada RM1.26 bilion. "Ketidaktentuan ekonomi global menjelaskan pasaran saham di seluruh dunia termasuk pasaran tempatan," katanya dalam kenyataan mengumumkan laporan prestasi pelaburan belum audit KWSP bagi suku ketiga 2008, semalam.

Azlan berkata, penurunan itu juga berikutan peruntukan RM2.29 bilion yang dibuat bagi penurunan nilai pelaburan saham berpunca daripada kemerosotan nilai pasaran. "Peruntukan itu sejajar amalan perakaunan terbaik dan dasar peruntukan susut nilai KWSP yang konservatif," katanya.

Azlan berkata, sebahagian besar pendapatan KWSP dalam tempoh suku ketiga lalu adalah daripada pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) serta pinjaman dan bon yang mencatat pulangan lebih tinggi berbanding suku kedua. Katanya, KWSP meraih pulangan 3.1 peratus lebih tinggi daripada pelaburan dalam pinjaman dan bon yang berjumlah RM1.71 bilion. Prestasi pelaburan dalam SKM pula katanya, meningkat 1.4 peratus kepada RM1.21 bilion berbanding suku kedua. Jelasnya lagi, dalam tempoh dikaji, sebahagian besar pelaburan saham KWSP bertumpu kepada sektor perkhidmatan dan kewangan, masing-masing sebanyak 38 peratus dan 33.9 peratus.

Pelaburan ketiga terbesar pula adalah dalam sektor perladangan, merangkumi 8.5 peratus daripada jumlah pelaburan dalam instrumen itu. Selain penurunan pendapatan pelaburan saham, Azlan berkata, pendapatan pelaburan dalam instrumen pasaran wang dan harta tanah turut jatuh.

KWSP meraih pendapatan pelaburan RM142.25 juta daripada instrumen pasaran wang, berbanding RM191.46 juta pada suku kedua. Pulangan daripada harta tanah pula jatuh kepada RM21.53 juta daripada RM22.66 juta.

Azlan menegaskan, KWSP sentiasa mengamalkan dasar pelaburan berisiko rendah bagi melindungi kepentingan pencarumnya. "Keputusan pelaburan berhemah itu membolehkan KWSP memperoleh pendapatan pelaburan positif di sebalik ketidaktentuan ekonomi global ketika ini," katanya.

Mengenai tinjauan prestasi pelaburan dalam suku keempat ini, Azlan berkata, meskipun senario dalam suku ini menggambarkan kesan sepenuhnya daripada krisis ekonomi global, pasaran saham Malaysia masih mempunyai harapan untuk melonjak semula.

4/12/2008 (Isnin)

Timur: Hasil kaji selidik dedah khazanah Lojing dihargai

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad krull@bharian.com.my

KOTA BHARU: Sultan Kelantan, Tuanku Ismail Petra yakin hasil kajian penyelidik tempatan mampu menjamin masa depan khazanah alam, khususnya di kawasan Tanah Tinggi Lojing dekat Gua Musang, supaya sentiasa terpelihara daripada sebarang gangguan. Baginda bertitah, tanah tinggi yang terletak pada ketinggian 1,000 meter dari aras laut itu, menyimpan banyak khazanah alam yang berguna untuk masa depan kawasan berkenaan serta penduduk negeri ini.

"Hasil penyelidikan yang dilakukan penyelidik Universiti Malaysia Kelantan (UMK), berjaya membongkar rahsia alam kawasan itu yang boleh dijadikan sebagai pedoman dalam merancang hala tuju tanah tinggi Lojing itu. "Tahniah kepada semua penyelidik terbabit yang berjaya membuat penemuan itu sehingga berjaya menerbitkan buku mengenai tanah tinggi berkenaan,

"titahnya pada majlis Santapan Malam Bersama Tuanku Canselor, di sini, semalam. Hadir sama, Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid dan anakandanya, Tengku Amalin A'Ishah Puteri serta Pengurus UMK, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman dan Naib Canselor UMK, Prof Dr Zainai Mohamed.

Pada majlis itu, Tuanku Ismail Petra berkenan melancarkan buku "Lojing: Unveiling The Treasures of South Kelantan", hasil ekspedisi penyelidik UMK di tanah tinggi Lojing, baru-baru ini. Sempena majlis itu, Tengku Anis turut berkenan menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang UMK 2007 kepada lima kakitangan universiti berkenaan.

Tuanku Ismail Petra yang juga Canselor UMK berharap melalui usaha penyelidikan yang dilakukan terhadap tanah tinggi Lojing ini, ia mampu meletakkan UMK yang baru beroperasi tahun lalu, setanding universiti awam lain. "Beta gembira melalui hasil kajian itu, ia menandakan UMK sudah mula mengorak langkah untuk meletakkannya setanding dengan institusi pengajian tinggi lain di negara ini khususnya dalam bidang penyelidikan serta penerokaan ilmu pengetahuan," titahnya.

Baginda meminta UMK merangka serta melaksanakan langkah strategik dalam konteks mengoptimumkan setiap sumber yang ada bagi menjana perubahan sekali gus memberi impak besar kepada masyarakat dan negara.

4/12/2008 (Khamis)

Timur: MKN dirayu lulus RM6.5j baiki tanah runtu

KUALA LIPIS: Majlis Daerah Lipis (MDL) merayu Majlis Keselamatan Negara (MKN) meluluskan segera peruntukan berjumlah RM6.5 juta bagi membaik pulih kawasan tanah runtu yang semakin kritikal di beberapa kawasan sekitar bandar ini.

Setiausaha MDL, Wan Norizan Wan Badaruzzaman, berkata sebanyak 14 kawasan runtuhan dikenal pasti berlaku dalam tempoh empat bulan sejak kejadian pertama pada 27 Julai sehingga terbaru pada minggu ketiga November lalu. Beliau berkata, lokasi paling kritikal ialah Perumahan Awam Sungai Kerpan 3, Perumahan Taman Pertama, Rumah Rehat Tanjung Lipis, Taman Desa Aman, Jalan Lipis-Benta (berhampiran Jabatan Bomba dan Penyelamat Lipis) dan jalan menuju kawasan perumahan kakitangan kerajaan daerah Lipis.

"Jumlah peruntukan awal sebanyak RM6.5 juta hanya membabitkan 14 kawasan runtuhan awal dan meningkat kepada RM8.3 juta selepas anggaran semula dilakukan apabila berlaku lebih banyak runtuhan yang lebih serius di kawasan berkenaan," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di sini. Wan Norizan berkata, untuk menjalankan kerja-kerja membaiki kawasan runtuhan di Perumahan Awam Sungai Kerpan 3 saja memerlukan RM2 juta dan sehingga sekarang MDL masih belum menerima peruntukan itu.

4/12/2008 (Khamis)

Timur: UIA diminta perjelas isu pembalakan

KUANTAN: Pihak Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Malaysia diminta mengadakan dialog dengan penduduk Taman Polo dekat sini bagi menjelaskan mengenai projek pembangunan dan kerja pembalakan yang dilakukannya di kawasan berdekatan. Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Semambu, Datuk Pang Tsu Meng, berkata dialog itu pasti dapat menghilangkan kebimbangan penduduk terhadap kerja penebangan yang dilakukannya. "Saya berharap melalui dialog itu, penduduk dapat dimaklumkan mengenai apa yang berlaku dan sekurang-kurangnya pihak UIA dapat memperbetulkan apa yang patut," katanya yang ditemui di Pusat Perkhidmatan Awam dan Pengaduan MCA di sini, semalam.

Minggu lalu, sekumpulan penduduk di Taman Polo, di sini melahirkan rasa kesal dan tidak puas hati terhadap pengurusan sebuah universiti yang membenarkan kerja pembalakan di kawasan hutan berbukit berhampiran perumahan mereka. Penduduk terbabit mencurigai pembukaan hutan kawasan terbabit yang semakin luas biarpun papan tanda yang dipacak berdekatan kawasan berkenaan menyatakan ia adalah projek membaiki cerun dan membina benteng di belakang taman terbabit serta kawasan kampus baru universiti berkenaan.

Pang berkata, beliau sudah membuat semakan dengan Jabatan Hutan Negeri dan dimaklumkan bahawa kawasan terbabit terletak di dalam kawasan persendirian dan pihak terbabit mempunyai permit yang dikeluarkan jabatan itu. "Sebenarnya, saya melihat ada dua isu di sini, iaitu penebangan pokok dan kedua ia membabitkan tanah persendirian. "Saya juga difahamkan agensi dan jabatan terbabit sudah memberi kelulusan kepada pihak universiti," katanya.

4/12/2008 (Isnin)

Tabung Haji teroka bidang hartanah, hotel di Makkah

Lambaian Kaabah 1429H

MAKKAH: Sebuah syarikat milik Malaysia akan ditubuhkan di sini bagi merebut peluang dalam bidang hartanah dan perhotelan yang menjanjikan pulangan lumayan berikutan permintaan tinggi untuk penginapan pada musim puncak umrah, dan haji. Syarikat itu akan ditubuhkan Tabung Haji Malaysia sebagai langkah jangka panjangnya menghadapi kenaikan kos sewa penginapan jemaah haji terutama di kawasan berhampiran Masjidil Haram, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail. "Kita sedang merancang menubuahkan anak syarikat di sini dan melihat beberapa cadangan dipersetujui Lembaga Pengarah. Ada membabitkan bangunan sedia ada dan ada juga tanah kosong untuk dibangunkan hotel.

"Keuntungan daripada pelaburan hartanah dapat digunakan sebagai subsidi silang bagi pembiayaan kos penginapan jemaah haji kita jika kadarnya sampai ke tahap di luar kemampuan

mereka," katanya selepas menghadiri taklimat persiapan menguruskan jemaah haji melakukan Wukuf di Arafah, di ibu pejabat Tabung Haji di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari. Ismee berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pendekatan Tabung Haji dalam menghadapi kenaikan kadar sewa penginapan jemaah haji di sini, dan di Madinah. "Apa yang pasti ialah kita memang serius hal ini. Kita sedang melihat ke arah pelaburan jangka panjang di sini," katanya.

Ismee berkata, Tabung Haji sudah membuat pelaburan dalam dua hartanah di Arab Saudi tahun lalu iaitu memajak lima tingkat atau 210 bilik hotel lima bintang Al Hajar Tower yang sedang dalam pembinaan di Kompleks Al-Bait dekat Masjidil Haram dan dijangka siap pada suku kedua 2009. Kedua katanya, pajakan 10 tahun bangunan menara Hotel Movenpick, Madinah yang dulu disewa Tabung haji pada musim haji saja bagi jemaah Malaysia. "Inilah antara usaha berterusan kita menangani kenaikan sewa penginapan jemaah di sini, dan keduanya pelaburan kita di sini dan Madinah. Kita harap anak syarikat itu menjadi entiti pengurusan untuk mengendalikan pelaburan hartanah di sini dan Madinah," katanya.

Beliau menjelaskan, kadar sewa di sini sedang meningkat berikutan kerja meroboh 30 peratus kapasiti atau 500,000 katil hotel di utara Masjidil Haram dan masalah sewa penginapan tinggi di Tanah Suci tidak dapat diatasi dalam tempoh singkat kerana pembangunan semula penginapan baru. Katanya, Tabung Haji memperuntukkan 20 peratus atau RM3.6 bilion daripada dananya berjumlah RM18 bilion untuk pelaburan hartanah dan RM500 juta sudah dilaburkan dalam hartanah di sini dan di Malaysia. "Secara peribadi, saya suka pelaburan di sini, pertama kerana Tabung Haji sudah beroperasi di sini selama 45 tahun dan selama 45 tahun akan datang pun kita perlu penginapan jemaah haji kita," katanya. - Bernama

5/12/2008 (Jumaat)

RM5b bukan untuk individu

Oleh Khairul Azran Hussin khaiazr@bharian.com.my



Datuk Seri Najib Razak

Dana tambahan Valuecap diurus profesional, tanpa campur tangan politik: Najib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak memberi jaminan dana tambahan RM5 bilion yang diperoleh Valuecap Sdn Bhd (Valuecap), tidak akan digunakan untuk menyelamatkan individu yang mempunyai hubungan politik atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, sebagai sebuah syarikat, Valuecap diuruskan secara profesional dan beretika serta tiada sebarang campur tangan politik dalam keputusan pelaburannya. "Saya ingin memberi jaminan khusus bahawa dana RM5 bilion itu disalurkan ke dalam pelaburan bernilai tinggi dan ia tidak akan digunakan untuk menyelamatkan sesiapa. "Pihak yang sebelum ini melahirkan kerisauan kemungkinan dana tambahan itu akan disalahgunakan perlu menghentikannya kerana kerajaan tidak akan bertolak ansur dalam soal integriti," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucaptama bertema "Menghadapi Kegawatan Kewangan Global - Memulihkan Keyakinan Pelabur" pada Sidang Kemuncak Pasaran Modal Malaysia ke-13, anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), di sini semalam.

Baru-baru ini, Kementerian Kewangan mengumumkan beberapa langkah awal bagi membendung kesan krisis kewangan global, termasuk menyediakan dana tambahan RM5 bilion bagi menggandakan aset Valuecap kepada RM10.3 bilion. Dana itu antara lain akan membolehkan Valuecap melabur dalam saham yang susut nilai serta melindungi pelaburan oleh GLC, yang secara umumnya kukuh daripada segi kewangan tetapi kini diniagakan pada harga rendah. Sementara itu, Najib turut mengingatkan rakyat bahawa sekarang bukan masa yang sesuai untuk bermain politik, sebaliknya sokongan penuh perlu diberikan kepada kerajaan untuk bersama-sama memperkuuh ekonomi dan mengekang kesan ketidaktentuan global. Katanya, kerajaan sentiasa komited dalam usaha berkenaan dan akan berlaku adil kepada semua pihak kerana perpaduan serta keadilan adalah penting bagi kemakmuran dan kemajuan ekonomi sesebuah negara.

"Pilihan raya umum sudah selesai dan sekarang adalah masa untuk kita berganding bahu menghadapi cabaran ekonomi yang meruncing serta tidak menentu. Rakyat perlu mengurangkan pembaziran serta meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya saing," katanya. Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata kerajaan juga bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dan akan memantau terperinci setiap perkembangan bagi memudahkannya mengambil tindakan sewajarnya. "Kepada pelabur, jangan kecawa dengan pasaran dan rancang pelaburan dengan baik kerana kerajaan akan melakukan apa saja bagi memastikan keyakinan dalam pasaran Malaysia terus tinggi, disokong dengan asas ekonomi kukuh," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pembentukan Dana Mata Wang Asia akan membantu rantau ini menghadapi krisis kewangan global kerana ia boleh membantu negara yang mempunyai masalah imbangan pembayaran dan kecairan jangka pendek. "Saya ingin mengemukakan cadangan itu sekali lagi dan kita lihat tindak balas dari negara lain," katanya.

Sementara itu, pada sidang medianya, beliau berkata negara yakin mampu mencapai unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 3.5 peratus tahun depan, walaupun ada yang mengunjurkan angka lebih rendah. "Kita akan melihat perkembangan bagi tempoh satu atau dua suku tahun akan datang tetapi sekarang ini kita ramal 3.5 peratus dan adalah bukan sesuatu yang memalukan jika ia disemak semula, malah Singapura pun sudah berbuat demikian sebanyak empat kali," katanya.

Ditanya mengenai pendapatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mencatatkan penurunan pada suku ketiga tahun ini, beliau berkata rakyat tidak perlu risau kerana kerajaan sentiasa mempunyai langkah mengatasi sebarang masalah.

5/12/2008 (Jumaat)

Sentral: Operasi bersih ladang haram

Oleh Rafidah Mat Ruzki fidahruzki@bharian.com.my



OPERASI meroboh pondok dan memusnahkan tanaman kontang di Hutan Simpan Raja Muda Musa di Ijok, semalam.

BESTARI JAYA: Kawasan hutan simpan seluas 2,800 hektar di Selangor yang diceroboh pihak tidak bertanggungjawab dan diusahakan sebagai ladang akan dibersihkan dan dipulihkan semula bermula dengan operasi pembersihan di Hutan Simpan Raja Muda Musa, dekat sini, semalam.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata kawasan ladang seluas 565 hektar yang diteroka secara haram di hutan simpan itu perlu dibersihkan segera kerana ia adalah kawasan tадahan air untuk ladang di Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

"Ada kira-kira 9,000 peladang di kedua-dua daerah itu. Kerajaan Selangor tidak boleh menjelaskan kehidupan sebegitu ramai peladang yang sah hanya untuk menjaga peladang haram ini. "Tindakan ini sebagai satu amaran kepada peladang haram lain yang menduduki hutan simpan di Selangor. Kita juga akan mengambil tindakan sama terhadap mereka," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Sementara itu, seramai 280 pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Selangor; polis; Angkatan Relawan (Rela); Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS); Pejabat Tanah Daerah Kuala Selangor; Pasukan Bomba dan Penyelamat; Jabatan Kerja Raya (JKR); Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Imigresen terbabit dalam operasi fasa pertama itu.

Mereka mula meroboh dua rumah, 22 pondok dan dua reban ayam kira-kira jam 9 pagi semalam. Ia akan dijalankan selama tiga hari manakala kerja mencabut dan membersihkan tanaman di situ akan dimulakan selepas Aidiladha.

Penolong Pengarah (Operasi dan Penguatkuasaan) Jabatan Perhutanan Selangor, Mohd Yussainy Md Yusop, berkata pokok hutan akan mula ditanam secara berperingkat selepas semua tanaman dan binaan di situ dibersihkan. "Kerja menanam semula pokok hutan akan dimulakan pada 13 Disember ini dengan bantuan badan bukan kerajaan (NGO). Pokok yang akan ditanam ialah pokok jenis Mahang yang menjadi pokok pelindung sebelum pokok hutan jenis lain boleh ditanam semula," katanya.

Mohd Yussainy berkata, pemilik ladang haram itu dipercayai menggunakan khidmat pendatang tanpa izin untuk mengusahakan ladang berkenaan tetapi mereka sudah mlarikan diri ketika operasi dijalankan. Difahamkan, ladang itu dibuka dan dibahagikan kepada petak tertentu untuk ditanam tanaman kontan selepas ia dibersihkan manakala sistem perparitan dibina syarikat pembalak dengan balasan balak yang ditebang boleh diambil syarikat terbabit.

Ditanya mengenai dakwaan peladang haram yang mereka memiliki permit penggunaan tanah, Mohd Yussainy berkata, mereka hanya memperoleh kelulusan untuk mendapatkan permit penggunaan tanah kelas E dan bukan permit penggunaan tanah, daripada Jabatan Perhutanan Selangor. Katanya, kelulusan itu sebenarnya hanya sebahagian daripada proses untuk mendapatkan permit penggunaan tanah di kawasan hutan simpan. Sementara itu, Timbalan Penggerusi Jawatankuasa Penyelaras Penanaman Hutan Simpan Raja Musa, Idris Jaafar yang ditemui pemberita di luar kawasan operasi mendakwa, pihaknya kecewa dengan operasi itu kerana kawasan itu sudah diteroka sejak 10 tahun lalu. "Kami sudah mengemukakan beberapa kali permohonan mengusahakan tanah sehingga mendapat permit Kelas E tetapi permit yang membolehkan peneroka mengusahakan tanaman kontan ini juga tak guna kerana ia dibatalkan oleh Jabatan Perhutanan Selangor," katanya.

Peneroka, Ahmad Awang, 57, berkata, sumber pendapatan utamanya yang diperoleh menerusi penternakan ayam kini musnah. "Saya sudah banyak mengeluarkan modal iaitu kira-kira RM25,000 untuk mengusahakan projek penternakan ayam selama lapan tahun di sini tetapi kini ia musnah begitu saja," katanya.

5/12/2008 (Jumaat)

Hasil siasatan PKFZ diumum bulan ini

Oleh Amin Ridzuan Ishak aminridzuan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Hasil penemuan siasatan berhubung kronologi peristiwa yang mendakwa berlaku penyelewengan membabitkan pelaburan bernilai RM4.6 bilion bagi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), akan diumumkan bulan ini.

Perkara itu disahkan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat, semalam yang menjelaskan siasatan bagi aspek berkenaan sudah memasuki peringkat akhir iaitu proses membuat rumusan. Bagaimanapun, masih belum ada sebarang tempoh pengumuman ditetapkan mengenai siasatan bagi status kewangan projek itu yang dilakukan firma perakaunan dan perculaian global, PricewaterhouseCoopers.

Mengulas mengenainya, Ong berkata, siasatan tidak dapat disiapkan dalam tempoh diminta kementeriannya kerana masih belum mendapatkan keterangan daripada beberapa individu yang pernah terbabit dengan entiti itu (PKFZ).

“Keterangan belum diperoleh kerana difahamkan individu itu tiada di dalam negara. Jadi, proses mengambil keterangan mereka tidak dapat dilakukan dan secara tidak langsung siasatan juga tergantung. “Semua aspek siasatan mengenai status kewangan sudah dilakukan, cuma ini (mengambil keterangan daripada beberapa individu) saja belum. Bagaimanapun, saya jamin ia tidak akan mengambil masa lama,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan persidangan bertajuk ‘Kemalangan Jalan Raya, Cabaran Kepada Bidang Perubatan’ anjuran Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) di sini, semalam. Kerajaan mengarahkan siasatan penuh terhadap projek di Pulau Indah itu berikutan dakwaan wujudnya penyelewengan dalam pelaksanaan PKFZ bernilai RM4.6 bilion, sekali gus menyebabkan projek itu gagal dan menjadi ‘gajah putih’.

Pembangunan itu menimbulkan kontroversi apabila projek yang pada mulanya dikatakan hanya bernilai RM1.1 bilion meningkat kepada RM4.6 bilion serta dianugerah kepada sebuah syarikat tanpa melalui proses sepatutnya. Sebelum ini, spekulasi tersebar mengatakan bahawa bekas Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chan Kong Choy terbabit dengan skandal berkenaan. Beliau yang juga bekas Timbalan Presiden MCA bagaimanapun enggan mengulas mengenainya.

Mengulas lanjut, Ong berkata, perkembangan itu membuktikan beliau berpegang kepada janjiannya untuk mengumumkan hasil siasatan penuh projek berkenaan kepada orang ramai ketika mula-mula menjawat jawatan Menteri Pengangkutan. “Rakyat berhak tahu kedudukan sebenar isu itu bagi memastikan mereka tidak lagi membuat andaian salah berikutkan pelbagai khabar angin,” katanya